

# Amal 3R jimatkan belanja, elak pembaziran

**Prof Dr Mohamad Fazli Sabri**

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) / pakar pengurusan kewangan

**Soalan (S):** Susulan peningkatan kos sara hidup ketika ini, sejauh mana rakyat perlu mengubah gaya hidup seperti mengamalkan tabiat jimat-cermat?

**Jawapan (J):** Peningkatan kos sara hidup sukar dijangka dan biasanya di luar jangkauan kita sebagai pengguna serta rakyat. Sebagai pengguna, perkara penting adalah jangan panik dan jangan mudah dipengaruhi emosi hingga membuat pembelian panik yang akhirnya membawa pembaziran serta tekanan kewangan. Dalam konteks pengurusan kewangan keluarga, apabila berhadapan situasi sebegini, seseorang individu mahupun keluarga perlu membuat ubah suai kepada gaya hidup termasuk aspek pendapatan dan perbelanjaan. Di sini menuntut kita untuk mengamalkan tabiat berjimat cermat dalam semua aspek kehidupan.

Terdapat dua kaedah atau strategi biasanya diamalkan, iaitu mengurangkan perbelanjaan dirasakan kurang perlu atau tidak penting. Pengguna disarankan menyenaraikan semua keperluan perbelanjaan daripada apa paling penting (utama) kepada perbelanjaan paling kurang penting (kurang utama). Bajet atau rancangan perbelanjaan keluarga perlu dinilai semula dengan membuat ubah suai ke atas keperluan perbelanjaan berdasarkan kedudukan kewangan semasa keluarga. Strategi seterusnya adalah dengan meningkatkan pendapatan. Individu dan keluarga disarankan untuk memikirkan bagaimana pendapatan keluarga dapat ditingkatkan, sama ada dengan melakukan pekerjaan sampingan atau terlibat dalam aktiviti pelaburan sah dan berdaftar.

**S: Adakah perlu hingga 'mengikat perut'?**

**J:** Pada pandangan saya, sekiranya 'mengikat perut' untuk keperluan perbelanjaan kurang penting seperti pembelian gajet, telekomunikasi, rekreasi, makan di luar, keahlian kelab, ubah suai kenderaan atau rumah dan pembelian kenderaan baharu, iaitu buat hutang baharu semata-mata untuk memenuhi tuntutan gaya hidup, itu sangat wajar dalam keadaan semasa. Bagaimanapun, saya kurang bersetuju jika 'mengikat perut' untuk keperluan perbelanjaan penting bagi

“ Amalan atau budaya berjimat cermat ini bukan hanya tertakluk dalam keadaan tertentu seperti krisis ekonomi atau makanan, pandemik dan peningkatan kos sara hidup (inflasi). Budaya dan amalan ini perlu terus dipupuk serta diamalkan dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa dan keadaan ekonomi ”

kelangsungan hidup seperti makanan, pendidikan dan rawatan perubatan serta kesihatan keluarga. Keluarga perlukan makanan sihat dan seimbang untuk terus berhadapan dengan situasi peningkatan kos sara hidup.

**S: Dari segi pengurusan kewangan, apa yang kita boleh lakukan?**

**J:** Dalam berhadapan situasi sebegini, kita perlu bijak merancang dan mengurus sumber kewangan yang terhad. Bagi individu mahupun pasangan yang sudah berkeluarga, disarankan berbincang dengan ahli keluarga mengenai kedudukan kewangan semasa keluarga. Sediakan semua rekod kewangan keluarga seperti rancangan perbelanjaan (bajet), penyata aliran tunai dan penyata nilai bersih (harta-hutang). Semak dan buat analisis semua rekod berkenaan untuk lebih memahami kedudukan kewangan semasa keluarga. Aktiviti ini dapat membantu keluarga mengetahui keperluan perbelanjaan perlu, kurang perlu dan tidak perlu. Selain itu, ia juga dapat membantu keluarga menjejaki ke mana wang atau pendapatan mereka dibelanjakan.

Penyata aliran tunai dapat menyediakan maklumat pendapatan diterima keluarga dan perbelanjaan dilakukan keluarga (perbelanjaan tetap lawan perbelanjaan berubah). Ia dapat membantu dengan memberi maklumat tambahan, sama ada seseorang individu atau keluarga itu melakukan perbelanjaan mengikut kemampuan pendapatan mereka ataupun sebaliknya. Penyata nilai bersih pula dapat memberi gambaran mengenai pemilikan aset (harta) mahupun liabiliti (hutang). Sesuatu perlu diberi perhatian adalah sejauh mana seseorang mahupun keluarga mempunyai simpanan untuk waktu kecemasan (dana kecemasan). Sekiranya semua ubah suai

sudah dibuat ke atas gaya hidup dan masih lagi kekurangan daripada sumber kewangan, disarankan untuk memikirkan cara atau kaedah bagaimana sumber pendapatan dapat ditingkatkan sesuai dengan kedudukan dan kemampuan keluarga. Setiap individu mahupun keluarga adalah unik.

**S: Adakah ia bermakna mereka yang ada kerja tetap perlu melakukan pekerjaan kedua?**

**J:** Setiap individu dan keluarga mempunyai keperluan serta kedudukan kewangan berbeza dan unik. Sekiranya ketua rumah atau individu merasakan mereka tidak terkesan atau kurang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, maka bukannya jadi satu keperluan mendesak untuk melakukan kerja sampingan atau mempunyai lebih daripada satu pekerjaan. Namun, bagi mereka yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup hingga membawa kepada bebanan dan tekanan kewangan, saya berpandangan wajar dan amat digalakkan untuk mereka mempunyai atau melakukan kerja sampingan bagi mendapat sumber kewangan tambahan untuk keperluan perbelanjaan keluarga.

Walaupun sibuk mencari atau menjana pendapatan tambahan, aspek kesihatan serta masa rehat yang cukup tidak boleh diabaikan. Sebaiknya lakukan pekerjaan sesuai dengan kemahiran, pengalaman dan kemudahan dimiliki. Penggunaan teknologi digital dan perniagaan secara dalam talian seharusnya dimanfaatkan kerana ia boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan tetap, harus diingatkan adalah perlunya dijaga. Jangan sampai masa yang seharusnya digunakan untuk tugas atau pekerjaan hakiki digunakan untuk melakukan kerja sam-

pingan bagi menjana pendapatan tambahan.

**S: Pendekatan berjimat cermat perlu menjadi budaya selama-lamanya?**

**J:** Saya amat setuju. Amalan berjimat cermat ini seharusnya menjadi amalan atau budaya dalam kehidupan seharian kita. Sebagai ibu bapa dan orang dewasa, anak-anak perlu diajarkan dan didedahkan dengan budaya ini sejak mereka kecil lagi. Amalan atau budaya berjimat cermat ini bukan hanya tertakluk dalam keadaan tertentu seperti krisis ekonomi atau makanan, pandemik dan peningkatan kos sara hidup (inflasi). Budaya dan amalan ini perlu terus dipupuk serta diamalkan dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa dan keadaan ekonomi.

**S: Bagaimanakah untuk mewujudkan simpanan khas bagi kegunaan semasa keadaan terdesak atau darurat jika kos sara hidup terus membeban?**

**J:** Saya faham ramai terkesan dan tidak mampu berhadapan situasi semasa menyebabkan pendapatan yang ada sekadar cukup memenuhi tuntutan kelangsungan hidup. Maka mereka tidak mampu menyediakan simpanan atau tabungan khas untuk waktu kecemasan. Dalam konteks ini, keutamaan mereka adalah untuk keperluan perbelanjaan seharian keluarga. Apabila keadaan sudah kembali stabil dan ada sedikit kemampuan, mereka perlu juga mewujudkan tabungan khas dengan jumlah sesuai dan selesai buat mereka dan keluarga. Berapa banyak dan jumlahnya, bergantung kepada kemampuan mereka.

Namun, bagi mereka yang ada kemampuan, saya mencadangkan agar setiap individu atau keluarga menyediakan tabung khas untuk simpanan atau dana kecemasan. Pakar kewangan keluarga menca-

ndangkan individu atau keluarga perlu mempunyai sekurang-kurangnya antara tiga hingga enam bulan pendapatan untuk dijadikan simpanan kecemasan. Bagaimanapun, perkara paling utama adalah peruntukkan sedikit daripada pendapatan yang diterima setiap bulan dan simpan secara konsisten untuk dijadikan tabungan wajib bagi simpanan kecemasan.

**S: Nasihat untuk mereka yang mempunyai ahli keluarga ramai dalam menghadapi situasi getir?**

**J:** Sama ada mempunyai ahli keluarga besar atau tidak, soal pengurusan kewangan perlu diurus secara bijak dan berhemat. Tidak dinafikan mempunyai bilangan ahli keluarga ramai atau salz keluarga besar akan memberi kesan ke atas perbelanjaan keperluan keluarga, terutama bagi mereka yang mempunyai pendapatan sekadar mencukupi atau terhad. Dalam konteks ini, saranan saya agar keluarga itu terus mengamalkan konsep atau budaya 'berkongsi' dengan ahli keluarga atau dalam kalangan adik-beradik terutama dalam soal makanan, pakaian dan keperluan pembelajaran. Konsep 3R (kurangkan, guna semula dan kitar semula) boleh diamalkan dalam kehidupan seharian bagi mengelakkan perbelanjaan tidak perlu dan boleh mengurangkan pembaziran.

Sifat 'qanaah', iaitu berasa cukup dan reda dengan nikmat kurniaan Allah SWT perlu disemai dalam diri sendiri dan ahli keluarga. Disarankan juga untuk sediakan bajet khusus buat keluarga dan disiplin dalam berbelanja di samping menghadiri kursus atau bengkel yang dapat meningkatkan kemahiran diri. Ini dapat membantu menjana pendapatan diri dan keluarga terutama dalam aspek teknologi digital dan keusahawanan.

